

CNS3285

U GB 12-03 00156 AB893

aab

LEAD Mahathir - Pangkalan (menggantikan berita awal) '''

PELABUHAN KLANG, 12 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia sedia berbincang dengan negara-negara Asean yang lain mengenai kedudukan pangkalan tentera Amerika di Filipina.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kerajaan tetap dengan pendiriannya tidak mahu Malaysia dijadikan pangkalan tentera kepada mana-mana pihak.

Penglibatan pertahanan Malaysia hanya dalam Peraturan Pertahanan Lima Negara (FDPA). FDPA dianggotai oleh Britain, Australia, New Zealand, Singapura dan Malaysia.

+Kalau berbincang, bolehlah. Tetapi, kita tidak menerima menjadi pangkalan kepada sesiapa pun,+ katanya ketika mengulas laporan akhbar mengenai kenyataan Setiausaha Pertahanan Filipina, Fidel Ramos, yang meminta negara-negara Asean mengadakan mesyuarat bagi membincangkan kedudukan pangkalan tentera Amerika di negara itu.

Fidel Ramos berkata, kalangan negara-negara Asean perlu berkongsi beban menanggung penyediaan pangkalan itu dan membuat keputusan sama ada kehadiran tentera Amerika di rantau ini perlu dikurangkan atau dihentikan.

-- Bernama

♥12/03/16-56MST